



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



[PustakaTBainun](#)



[ptbupsi](#)

**MEMBANGUN DAN MENILAI CD SET LAGU UNTUK TUJUAN PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB MENGIKUT SUKATAN PELAJARAN
TAHUN 1 SEKOLAH RENDAH.**

MOHD FAHRUR ROZI BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



[PustakaTBainun](#)



[ptbupsi](#)

**LAPORAN KERTAS PROJEK BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



[PustakaTBainun](#)



[ptbupsi](#)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Mata pelajaran Bahasa Arab Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan di sekolah rendah pada tahun 2011 yang dimulai dengan murid Tahun 1 sahaja dan kini dilaksanakan terhadap semua murid sekolah rendah. Dalam buku teks mata pelajaran Bahasa Arab yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat set lagu mengikut tajuk sebagai aktiviti cadangan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Projek kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai CD set lagu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran Tahun 1 sekolah rendah. Prosedur membangunkan CD adalah secara holistik melibatkan gubahan, rakaman, penyediaan hasil dan penilaian pakar dalam bidang Muzik dan Bahasa Arab. Hasil projek kajian mendapati bahawa CD set lagu yang dihasilkan amat menarik dengan gubahan yang tersendiri dan amat sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. Cadangan agar bahan bantu tersebut dapat dihasilkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran Tahun 2 hingga Tahun 6 sekolah rendah agar perlaksanaannya dilakukan secara optimum.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

Arabic language has been taught in primary schools since 2011 starting with year 1 pupils and now it continues to all primary school pupils. In the text book published by the Ministry of Education, there is a set of songs according to topics suggested as teaching and learning activity in the classroom. This research project was aimed at developing and evaluating a CD comprising of a set of songs for the teaching and learning of Arabic Language according to the year 1 primary school syllabus. Procedure for developing the CD is holistic which involved composition, recording, preparation and evaluation of expert in Music and Arabic Language. The result shows that the songs used in the CD are suitable for teaching Arabic at schools. It is suggested that similar teaching aid can be produced for the teaching and learning of Arabic Language according to year 2 until year 6 primary school syllabus so as the implementation can be optimized.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN	iii
DECLARATION	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii

BAB 1 PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Projek	2
1.2 Permasalahan Projek	3
1.3 Tujuan Projek	4
1.4 Objektif Projek	5
1.5 Persoalan Projek	6
1.6 Batasan Projek	6
1.7 Kesignifikan Projek	7
1.8 Definisi Istilah	7
1.9 Kesimpulan	10



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	11
2.1	Sorotan Literatur	12
2.2	Kesimpulan	15

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	16
3.1	Metodologi	17
3.2	Kerangka Projek	19
3.3	Penilaian Projek	20
3.4	Kesimpulan	20

**BAB 4 HURAIAN DAN PENILAIAN PRODUK**

4.0	Pengenalan	21
4.1	Huraian Produk	21
4.2	Penilaian Pakar	31
4.3	Kesimpulan	33

BAB 5 PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan	34
5.1	Perbincangan	34
5.2	Rumusan	38
5.3	Cadangan	38





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUKA SURAT

RUJUKAN

40

LAMPIRAN

43



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Muzik sering digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran dan dapat membantu guru mencapai objektif pembelajaran. Banyak strategi, kaedah, teknik dan bahan berasaskan muzik boleh dibina dan dihasilkan untuk pengajaran. Muzik dalam pengajaran dan pembelajaran bertujuan membantu guru meningkatkan motivasi dan rangsangan belajar di kalangan pelajar. Ia lebih signifikan dalam kalangan pelajar sekolah rendah di mana banyak kajian menyebut tentang rangsangan positif yang boleh memanfaatkan pembelajaran mata pelajaran lain. Sebagai contoh, muzik telah digunakan dalam mata





pelajaran Sains sekolah rendah dalam tajuk-tajuk tertentu untuk memudahkan murid-murid dalam mengingati dan menguasai tajuk tersebut. Begitu juga dengan mata pelajaran Pendidikan Islam yang telah menggunakan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid-murid melalui lagu nasyid. Sehubungan dengan ini, muzik banyak membantu murid-murid dalam menguasai mata pelajaran bukan sahaja dalam mata pelajaran yang telah disebutkan tadi, bahkan telah banyak digunakan dalam mata pelajaran lain.

1.1 Latar Belakang Projek

Mata pelajaran Bahasa Arab KSSR Tahun 1 merupakan mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah rendah seluruh negara. Mata pelajaran ini "wajib" diambil oleh murid-murid sekolah rendah terutamanya murid-murid yang beragama Islam. Berdasarkan buku teks Bahasa Arab Tahun 1 yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) cetakan ketiga pada tahun 2012, terdapat set lagu-lagu di dalam setiap tajuk yang perlu dinyanyikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut lagu tema yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, lirik yang disediakan adalah berdasarkan tajuk yang dipelajari dan muziknya diambil daripada lagu kanak-kanak dan lagu rakyat. Namun demikian, tidak semua guru Bahasa Arab tahu bagaimana untuk mendendangkan lagu-lagu tersebut kerana hanya diberi tajuk lagu tanpa rujukan muzik sebenar. Hal ini menyukarkan guru-guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Projek kajian ini diharapkan dapat menjadikan





pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lebih menarik serta memberi kesan yang mendalam terhadap murid-murid melalui muzik.

1.2 Permasalahan Projek

Projek kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai CD set lagu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran Tahun 1 sekolah rendah yang mengandungi set lagu dan senikata Bahasa Arab. Oleh kerana itu, dalam projek kajian ini memerlukan gubahan muzik yang sesuai dan menarik dengan menggunakan gabungan alat muzik yang digunakan. Gubahan muzik dilaksanakan dengan menggunakan instrumentasi seperti violin, djambe dan tabla yang digarap dengan teknologi terkini dalam penghasilan lagu berdasarkan set lagu yang tersedia dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. Gaya muzik yang terhasil lebih berciri tempatan kerana kebanyakan alat muzik adalah alat tradisional tempatan yang disertai nada nyanyian yang sesuai untuk kanak-kanak.

Dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab KSSR Tahun 1 tidak ada sumber rujukan lagu yang dibekalkan bersama-sama buku teks untuk panduan guru dan murid sama ada berbentuk CD ataupun yang dapat di muat turun daripada mana-mana laman sesawang. Walaupun kandungan buku teks yang dibekalkan ada lirik lagu yang disediakan mengikut setiap tajuk, tetapi penerangan atau arahan yang diberikan hanyalah sekadar menyanyikan dengan lagu-lagu tertentu seperti di dalam tajuk kedua





Tahun 1, lirik lagu dalam Bahasa Arab telah disediakan dan arahnya "Nyanyikan dengan lagu *You Are My Sun Shine*". Oleh yang demikian, walaupun arahan yang dikemukakan jelas iaitu menyanyikan sesuatu lagu berdasarkan lagu yang dinyatakan, namun bagaimanakah lagu "*You Are My Sun Shine*" dengan nyanyian sebenar? Bagi guru-guru Bahasa Inggeris, mereka mungkin tahu kerana lagu tersebut asalnya dinyanyikan di dalam Bahasa Inggeris. Berbeza dengan guru-guru Bahasa Arab, mereka tidak terdedah dengan lagu-lagu tersebut dan memerlukan rujukan kepada guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah mereka. Ini akan menyukarkan guru-guru Bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan nyanyian sehingga ada yang tidak melaksanakan nyanyian set lagu yang terdapat dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab.



Sehubungan dengan ini, penghasilan produk melalui projek kajian ini diharapkan



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

dapat mengatasi permasalahan yang dinyatakan demi meningkatkan penguasaan murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab seterusnya dapat memartabatkan Pendidikan Muzik di dalam sistem pendidikan negara Malaysia.

1.3 Tujuan Projek

Projek kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai CD set lagu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab mengikut sukatan pelajaran Tahun 1 sekolah rendah. Gubahan muzik menggunakan gabungan alat muzik serta gaya muzik berdasarkan lagu-lagu cadangan dan lirik yang telah disediakan di dalam sukatan





pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. Hasil projek kajian ini boleh digunakan oleh Guru Bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta memudahkan Guru Bahasa Arab dalam melaksanakan set lagu yang tersedia lirik serta arahan dengan nyanyian lagu-lagu yang telah ditetapkan agar lebih menarik dan menyeronokkan murid-murid.

1.4 Objektif Projek

Secara spesifiknya, objektif projek ini adalah seperti berikut :



1.4.1 Menggubah muzik untuk 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan

pelajaran Bahasa Arab Tahun 1;

1.4.2 Merakam muzik iringan dan nyanyian dengan nada yang sesuai untuk kanak-kanak untuk 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1;

1.4.3 Menyediakan CD hasil gubahan dan rakaman untuk 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1; dan

1.4.4 Menilai CD untuk 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 yang telah dihasilkan.





1.5 Persoalan Projek

Projek kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai 9 buah set lagu yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. Persoalan yang membantu perlaksanaan projek ini adalah seperti berikut :

1.5.1 Bagaimana bentuk gubahan muzik bagi mengiringi 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah dari aspek nada, gaya muzik, tempo dan instrumentasi?

1.5.2 Apakah pandangan penilai terhadap CD 9 buah lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 yang dibangunkan?



1.6 Batasan Projek

Kajian ini telah dihadkan hanya tertumpu kepada 9 set lagu Bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sahaja dan melibatkan seorang pakar dalam bidang Muzik serta seorang pakar Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Awam.





1.7 Kesignifikan Projek

Penghasilan produk ini membantu guru-guru Bahasa Arab melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab melalui teknik nyanyian dengan lebih efektif.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 CD

Singkatan daripada perkataan *Compact Disc* yang bermaksud Cakera padat adalah bersifat mudah alih, sederhana pusingan kecil yang diperbuat daripada polimer dibentuk secara elektronik sebagai fungsi merakam, menyimpan dan memainkan semula audio, video, teks dan maklumat lain dalam bentuk digital.

1.8.2 Lagu

Lagu merupakan gubahan seni nada atau suara dalam urutan, kombinasi, dan hubungan temporal (biasanya diiringi dengan alat muzik) untuk menghasilkan gubahan muzik yang mempunyai kesatuan dan kesinambungan (mengandungi irama). Lagu boleh dinyakikan oleh secara solo, berdua (duet), bertiga (trio) atau dalam beramai-ramai (koir). Perkataan lagu biasanya berbentuk puisi berirama,





namun ada juga yang bersifat keagamaan ataupun prosa bebas. Lagu boleh dikategorikan kepada banyak jenis, bergantung kepada ukuran yang digunakan.

1.8.3 Muzik Iringan

Muzik iringan bermaksud muzik yang mengikuti atau menyertai sesebuah lagu dengan menggunakan alatan muzik seperti gitar, bass, drum, piano dan sebagainya. Muzik iringan yang dihasilkan dalam projek kajian ini adalah menggunakan alat tradisional tempatan seperti akordion, violin dan gendang.



1.8.4 Pengajaran Bahasa Arab

Menurut Mohd Zaki (2010), pengajaran merupakan satu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya pelajar dapat menguasai isi pelajaran dengan berkesan. Proses pengajaran juga melibatkan aktiviti-aktiviti latihan pelaziman, tunjuk ajar atau indoktrinasi yang akan menukar tingkah laku serta membawa ilmu pengetahuan dan kepercayaan baru kepada pelajar. Sehubungan dengan ini, pengajaran Bahasa Arab bermaksud proses penyebaran ilmu pengetahuan melibatkan Bahasa Arab yang merupakan mata pelajaran elektif di sekolah rendah sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.





1.8.5 Gubahan

Gubahan yang dimaksudkan adalah berkenaan gubahan muzik yang merupakan isi atau intipati bagi sesebuah lagu, tidak mengira rentak atau genre yang membuat sesuatu lagu itu menjadi gah atau sebaliknya. Ia boleh merujuk kepada gubahan asal muzik, struktur gubahan tersebut, atau proses mencipta gubahan baharu muzik.

1.8.6 Lirik



Lirik adalah seni kata lagu dan juga merupakan puisi yang menggambarkan perasaan.

Menurut Mohd Azam (2013), keindahan dan kehalusan seni kata akan menjelmakan unsur bunyi yang indah dan sedap didengar. Kesesuaian seni kata dan melodi mampu menghasilkan satu karya yang hebat yang boleh menakluki jiwa khalayak.

1.8.7 Melodi

Noresah (2000), melodi adalah susunan seni kata berirama. Dalam muzik, melodi juga alunan, suara, atau baris merupakan siri turutan yang menghidupkan keharmonian kod. Walau bagaimanapun, turutan tersebut haruslah berubah dan kelihatan sebagai satu entiti yang dipanggil melodi. Secara khususnya,





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ia merangkumi corak perubahan nada dan tempoh, manakala secara umumnya ia merangkumi sebarang corak perubahan peristiwa dan mutu.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan tentang latar belakang, permasalahan, tujuan dan objektif projek. Di samping itu, batasan projek dan kesignifikan projek serta definisi istilah turut dijelaskan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2.0 Pengenalan

Bab ini adalah berkenaan sorotan literatur yang telah dirujuk oleh penyelidik dalam kajian yang berkaitan. Tujuh rujukan yang telah penyelidik selidiki dalam gambaran berkenaan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh dikaitkan dengan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



2.1

Sorotan Literatur

Mohd Izzuddin Akmal (2011) menyatakan bahawa kemahiran mengingat nama 10 malaikat bagi murid Tahun 2 dapat ditingkatkan melalui nyanyian melodi ria. Perbincangan di dalam jurnal tersebut secara rumusannya, kaedah nyanyian ini memberi kepentingan kepada murid dan juga kepada guru. Kaedah ini merupakan kaedah berpusatkan murid iaitu kajian ini menumpukan 80% kepada murid dan hanya 20% penglibatan guru. Pembelajaran melalui nyanyian melodi ria ini ternyata mampu membangkitkan keseronokan dan merangsang minat murid untuk belajar kerana sesi pengajaran dan pembelajaran tidak berlangsung dalam keadaan tertekan. Akhir sekali, diharap dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak seperti guru-guru, murid-murid dan pusat perkembangan kurikulum.



Syaza Yasmin (2010) mendapati bahawa implikasi hasil kajian mendapati penggunaan lagu kanak-kanak dapat meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris kanak-kanak. Penguasaan kosa kata bahasa Inggeris kanak-kanak meningkat apabila menggunakan lagu kanak-kanak. Komunikasi dalam aktiviti slot pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris juga bertambah baik dan lancar menunjukkan penguasaan kosa kata bahasa Inggeris kanak-kanak ini telah meningkat. Lantaran itu, kanak-kanak ini dapat berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan penuh yakin.

Manakala Tiong Leh Ling & Zaidatun Tasir (2012) telah menghuraikan masalah keciciran menguasai kemahiran membaca masih berlaku dalam kalangan murid-murid





Sekolah Rendah di negara kita bahkan di luar negara. Teori Pembelajaran Bruner telah menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai kemampuan simbolik semasa Tahun Satu jika didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas di luar negara, pendekatan pembelajaran menerusi lagu dan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca didapati amat berkesan. Justeru, penyelidik telah mengkaji potensi dan keberkesanan pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer di negara kita.

Menurut Nur Farhanah (2011) kaedah nyanyian amat berkesan dalam meningkatkan ingatan murid. Berdasarkan kepada kajian beliau, subjek kajian melibatkan 10 orang murid Tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Darat Batu Rakit secara kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan instrumen Ujian Pra, Ujian Pasca, Pemerhatian, dan Soal Selidik. Dapatan kajian yang telah dilaksanakan, mendapati bahawa nyanyian berupaya dan amat berkesan untuk meningkatkan ingatan murid dalam menguasai pelajaran serta dapat menarik minat murid dalam mempelajari sesuatu tajuk yang dipelajari. Pengkaji tersebut juga ada mengutarakan beberapa pendapat daripada kajian-kajian lagi yang menyokong hasil dapatan kajian tersebut.

Kajian lainnya telah dilaksanakan oleh Hamisan (2010) berkenaan penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali Kemahiran Hidup sekolah rendah. Kajian tersebut melibatkan 180 orang subjek yang terdiri daripada pelajar tahap dua iaitu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6 dari sebuah sekolah rendah di Pontian Johor. Pengkaji tersebut telah mengklasifikasikan tinjauan kepada empat persoalan berkenaan





penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup iaitu meningkatkan minat belajar, meningkatkan prestasi dan bersedia belajar, membina keseronokan mengikut mood dan keadaan, dan menambahbaik hasil kerja serta daya ingatan. Hasil dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan keempat-empat jawapan terhadap persoalan adalah benar dan diterima oleh responden dan boleh dilaksanakan dalam mata pelajaran kemahiran hidup sekolah rendah.

Satu kajian telah dilaksanakan oleh Lusi Nurhayati (2009) di Indonesia berkenaan penggunaan lagu dalam pembelajaran Bahasa Inggeris untuk murid-murid. Dapatan kajian mendapati bahawa lagu merupakan “alat” yang sangat membantu di dalam bilik darjah selain daripada penggunaan buku teks. Penggunaan buku teks semata-mata tidak memadai untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran dan memerlukan medium lain yang dapat membantu perlaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dengan ini, muzik merupakan medium yang sesuai sebagai bahan bantu mengajar yang menjadikan suasana pembelajaran menarik di samping dapat mengawal pergerakan murid-murid di dalam bilik darjah.

Ida Vera Sophya (2013) menyatakan bahawa media berperanan sebagai alat bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang digunakan untuk menjelaskan pengajaran agar mudah difahami sehingga tercapainya objektif. Sehubungan dengan itu, lagu merupakan “alat” yang sangat baik untuk membantu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Contoh lagu yang telah disertakan di dalam kajian beliau adalah “*If you’re happy and you know it*”, “*Hokey Pokey*”, “*10 little Indians*” dan “*Twinkle twinkle*





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

little star". Pembelajaran Bahasa Inggeris melalui lagu ini adalah lebih kepada pengenalan bahasa asing terhadap kanak-kanak.

2.2 Kesimpulan

Berdasarkan kepada ketujuh-tujuh rujukan, penyelidik mendapati bahawa muzik dalam penguasaan sesuatu mata pelajaran amat membantu murid-murid. Melalui muzik, minat murid-murid dapat ditingkatkan dan seterusnya memberi kesan dalam menguasai mata pelajaran yang diajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 3

METODOLOGI



3.0 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan Metodologi, Kerangka Projek dan Penilaian Projek mengikut perancangan penyelidik untuk menghasilkan projek kajian yang memberi kesan mendalam berkenaan tajuk kajian. Ini kerana perancangan yang tersusun dapat memberi panduan berguna kepada penyelidik dan pelaksanaan yang berterusan dan telus dapat menghasilkan kajian yang amat berguna terhadap pembaca dan penyelidik lain dalam kajian yang berkaitan.





3.1 Metodologi

Projek kajian ini bertujuan untuk membangun dan menilai set lagu yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. Oleh itu, projek kajian ini terbahagi kepada empat peringkat iaitu (1) Gubahan muzik set lagu, (2) Rakaman muzik iringan dan nyanyian, (3) Penyediaan CD hasil gubahan dan rakaman, dan (4) Penilaian pakar.

3.1.1 Gubahan muzik set lagu

Gubahan terhadap 9 buah lagu yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 adalah bercirikan tradisional tempatan dengan mengambil kira penentuan nada yang sesuai untuk kanak-kanak. Selain daripada itu, pemilihan dan penggunaan alatan muzik yang bersesuaian dengan gaya muzik tradisional tempatan seperti akordion, violin, gambus dan sebagainya memainkan peranan penting untuk menghasilkan muzik iringan yang menarik dan menjaga keaslian tradisional tempatan.

3.1.2 Rakaman muzik iringan dan nyanyian

Perlaksanaan rakaman muzik iringan dan nyanyian sepenuhnya dilakukan di dalam studio rakaman untuk menjamin kualiti hasil. Sehubungan dengan ini,





penggunaan instrumentasi untuk proses rakaman muzik adalah secara langsung dengan menggunakan alat muzik tradisional tempatan yang disertai nada nyanyian yang sesuai untuk kanak-kanak.

3.1.3 Penyediaan CD hasil gubahan dan rakaman

Hasil gubahan dan rakaman telah disediakan dalam bentuk CD yang mengandungi 9 buah lagu Bahasa Arab yang disusun mengikut sukatan pelajaran Bahasa Arab Tahun 1 sekolah rendah. CD yang dihasilkan merangkumi grafik luaran yang bersesuaian dengan tema kanak-kanak dan muzik tradisional tempatan. Di samping itu, cetakan lirik 9 buah lagu tersebut turut disertakan bersama-sama CD yang dihasilkan.

3.1.4 Penilaian pakar

Dalam penilaian CD 9 set lagu yang terkandung dalam sukatan pelajaran, hasil projek kajian telah diedarkan kepada seorang pakar dalam bidang Muzik dan seorang pakar dalam bidang Bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim untuk dinilai.

